

PR-Siswa UMS Jayakan Program X-Plorasi Komuniti Magandai

DE 15 2014 5

KOTA MARUDU: Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PR-Siswa) Universiti Malaysia Sabah (UMS) buat julung kalinya bekerjasama dengan Kelab Rekreasi UMS (KRUMS), Kelab Sukarelawan Pacuan Empat Roda UMS, dan Sekolah Perubatan UMS bagi menjayakan Program X-Plorasi Komuniti Magandai baru-baru ini.

Menurut pengarah program, Muhammad Yusuf Mohd Sobery, aktiviti berbentuk ekspedisi lasak selama tiga hari dua malam itu disertai 30 peserta dengan 15 kenderaan pacuan empat roda.

Beliau berkata, program yang bermatlamat menyuntik semangat dan memberi motivasi kepada pelajar dan ibu bapa itu mendapat sambutan luar biasa komuniti Kampung Magandai khususnya dalam kalangan warga Sekolah Kebangsaan Magandai.

"Selain sebagai medan perkongsian ilmu, kami juga mengalami pelbagai pengalaman khususnya dalam merasai sendiri pahit getir cabaran dan kekurangan hidup masyarakat di kawasan pedalaman," ujarnya lagi.

Beliau yang juga Presiden Kelab PR-Siswa UMS turut melahirkan rasa terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEP) khususnya Timbalan Naib Canselor, Prof. Madya Datuk Dr. Hj Kasim Hj Md. Mansur, kerana sentiasa



PESERTA program berkumpul untuk menyaksikan penyempurnaan penanaman pokok Simbolik 20 Tahun UMS di halaman kawasan sekolah.

menyokong segala usaha dalam merealisasikan program kemasyarakatan tersebut.

"Kami juga mengucapkan terima kasih kepada Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, Timbalan Naib Canselor Akademik merangkap Presiden KRUMS, Prof. Dr. Shariff Abd. Kadir S. Omang Al-Haj dan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi UMS, Prof. Dr.

Shahril Yusof atas sokongan padu terhadap kelancaran program ini," katanya.

Bertemakan 'Meneroka Realiti, Membantu Komuniti', program yang diadakan sempena sambutan Ulang Tahun UMS ke-20 itu diisi dengan pelbagai program keilmuan di samping acara penanaman pokok sebagai simbolik terhadap usaha pelestarian alam sebagai tanggungjawab bersama.